

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) bertanggungjawab untuk memantau dan menyelenggara tapak pelupusan sisa radioaktif Asian Rare Earth (ARE). Sekiranya ya, adakah ARE menanggung kos terlibat, berapa kosnya untuk 300 tahun dan jumlah yang telah dibayar setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 24 November 2017, Kerajaan Negeri Perak melalui Menteri Besar Incorporated telah dilesenkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) bagi tujuan berurusan dengan sisa radioaktif dan memiliki kemudahan pelupusan sisa radioaktif serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aktiviti pemantauan berterusan dan penyelenggaraan kemudahan pelupusan sisa radioaktif tersebut.

Pemantauan secara berkala turut dilakukan oleh AELB ke atas kemudahan pelupusan sisa radioaktif tersebut. Segala kos yang terlibat sepanjang tempoh pemantauan dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Perak berdasarkan Perjanjian *New Repository Agreement* (NRA) 2003 antara ARE dan Kerajaan Negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua,

Penanggungan kos yang terlibat ini adalah berdasarkan syarat-syarat yang ketat oleh Kerajaan berbanding praktis di peringkat antarabangsa. Kos yang terlibat ini seharusnya digunakan dalam perkara yang lain yang lebih berfaedah demi kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.